

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT MPOU

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5065-majlis-pemakaian-pangkat-mpou](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5065-majlis-pemakaian-pangkat-mpou)

KUALA LUMPUR, 30 Mei 19 - Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU) telah mengadakan majlis pemakaian pangkat kepada dua orang anggotanya bertempat di Bilik Mesyuarat MPOU yang disempurnakan oleh Ketua Staf MPOU, Mej Jen Dato' Muhammad Norazlan bin Aris TUDM.

Anggota yang dinaikkan pangkat adalah Sjn U Muhammad Hud bin Abd Rahman dinaikkan pangkat Pemangku F/Sjn dan Kpl U Mohd Saiful bin Md Shah yang dinaikkan pangkat Pemangku Sjn U.

KS MPOU mewakili seluruh warga MPOU mengucapkan tahniah di atas pemakaian pangkat kedua-dua anggota tersebut dan berharap agar kedua-dua anggota terus memamirkan mutu kerja yang lebih baik seiring dengan pangkat yang disandang. Beliau juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Hari Raya maaf zahir dan batin, selamat bercuti dan berhati-hati di jalan raya. Turut hadir dalam majlis pemakaian pangkat tersebut ialah pegawai-pegawai kanan serta seluruh anggota MPOU.

